



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG KEMENTERIAN KERJA RAYA 2014

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Kementerian Kerja Raya 2014 telah diadakan pada 5 Jun 2015 (Jumaat) di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid, Kompleks Kerja Raya. Sejumlah 866 orang telah dicalon sebagai penerima APC Kementerian/ Jabatan/ Agensi 2014 dan pecahan adalah seperti berikut:

Kementerian Kerja Raya	: 79 orang;
Jabatan Kerja Raya (JKR)	: 698 orang;
Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)	: 27 orang; dan
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)	: 62 orang.

Pemilihan calon dan penerima Anugerah APC dinilai berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) seperti berikut:

- Kuota 8% daripada pengisian di Kementerian/ Jabatan/ Agensi;
- Pencapaian LNPT 85% dan ke atas;
- Pegawai tetap, kontrak dan sementara layak dipertimbangkan;
- Genap satu (1) tahun perkhidmatan di Kementerian/ Jabatan/ Agensi; dan
- Pencalonan oleh Ketua Bahagian yang berkenaan.

Majlis ini diadakan bertujuan menghargai dan mengiktiraf kualiti/kuantiti sumbangan warga Kementerian yang melebihi daripada keperluan tanggungjawab biasa bagi jawatannya. Penghargaan ini juga bertujuan menjadikan anggota berkenaan sebagai contoh dan daya penarik kepada lain-lain anggota untuk sama-sama meningkatkan lagi taraf perkhidmatan demi mencapai matlamat organisasi.

Majlis yang bertemakan, "Pekerja Hebat Prestasi Meningkatkan" ini dirasmikan oleh YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Menteri Kerja Raya, yang turut menyampaikan Anugerah kepada warga Kerja Raya.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**5 JUN 2015**

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) | Kementerian Kerja Raya | @MOWorks | [pro@kkr.gov.my](mailto:pro@kkr.gov.my)